

BABA

TIGA

BAB TIGA

PUSAT PENGAJIAN PONDOK, KANDIS, BACHOK, KELANTAN.

1. Pendahuluan

Bab ini akan membincangkan secara keseluruhan berkaitan dengan Pusat Pengajian Pondok, antara perkara yang dibincangkan dalam bab ini ialah sejarah penubuhan Pusat Pengajian Pondok, objektif penubuhan, struktur organisasi, sistem pengajian, tenaga pengajar serta pelajar, yuran pengajian serta sistem peperiksaan yang diamalkan.

2. Sejarah Penubuhan Pusat Pengajian Pondok¹

Sistem pendidikan atau pengajian Islam yang dikenali sebagai “Sekolah Pondok” mula muncul di negeri Kelantan pada awal abad ke 19 masihi.² Institusi tersebut merupakan institusi yang paling istimewa kedudukannya dalam masyarakat melayu tradisional, terutamanya di negeri Kelantan.³ Sementara di daerah Bachok pula institusi pondok telah mula bertapak selewat-lewatnya pada tahun 1990 lagi,⁴ kewujudan Pondok Tok Bachok yang diasaskan oleh Haji Othman bin Haji Muhamad pada tahun 1990 Masihi, telah membuktikan bahawa pendidikan Islam melalui institusi pondok bukanlah sesuatu yang baru di daerah tersebut.

Penubuhan Pusat Pengajian Pondok, yang lebih dikenali dengan nama “Pondok Moden” pada tahun 1981, meneruskan lagi kesinambungan daerah

¹ Risalah Pengenalan Pusat Penagajian Pondok, h. 3-5.

² D.E.E. Hall (1968), *A History of Southeast Asia*, edisi ke 3, h. 205.

³ Ismail Che Daud, “Sekolah Pondok di Negeri Kelantan: Satu Tinjauan Umum”, dalam Warisan Kelantan 5 (1991), Perbadanan Muzium Negeri Kelantan, h. 1.

Bachok sebagai tempat penyebaran pendidikan Islam sebaris dengan daerah-daerah lain di negeri Kelantan.

Cadangan awal untuk menubuhkan sebuah pusat pengajian tinggi yang berteraskan sistem pengajian pondok bermula pada tahun 1981, cadangan tersebut telah disuarakan oleh golongan ulama di negeri Kelantan atas kesedaran kurangnya golongan ulama pelapis di negeri tersebut. Cita-cita tersebut akhirnya menampakkan kejayaan apabila kerajaan negeri Kelantan bersetuju untuk menubuhkan sebuah pusat pengajian tinggi yang pada peringkat awalnya dikenali sebagai “Pondok Moden”. Untuk merealisasikan penubuhan tersebut, Yayasan Islam Kelantan⁴ telah diberi tanggungjawab untuk membina dan seterusnya mentadbir pusat pengajian tersebut.

Tanggungjawab tersebut bukanlah sesuatu yang baru bagi Yayasan Islam Kelantan, kerana sebelum ini, Yayasan Islam Kelantan telah terlibat secara langsung dalam menuju dan mentadbir sekolah-sekolah agama peringkat menengah di negeri Kelantan. Bahkan tanggungjawab tersebut telah memberi peluang kepada Yayasan Islam Kelantan untuk mencatat satu lagi sejarah baru, ini bermakna Yayasan Islam Kelantan tidak lagi sekadar mentadbir sekolah menengah agama sahaja, bahkan telah diberi peluang untuk membangun dan

⁴ Nik Mohamed bin Nik Mohd Salleh, “Perkembangan Pendidikan atau Pengajian Islam di Negeri Kelantan”, Dalam Warisan Kelantan 4 (1985), Perbadanan Muzium Negeri Kelantan, h. 102.

⁵ Yayasan Islam Kelantan (YIK) pada asalnya telah ditubuhkan pada 1 Julai 1974 di bawah kuatkuasa Enakmen Kelantan bilangan 9/1968 Yayasan Pengajian Tinggi Islam Kelantan dengan nama Jabatan Sekolah-sekolah Agama Kelantan (JASA). Pada 1983 institusi ini telah dipinda menerusi Enakmen Negeri Kelantan, bilangan 8/1982 dan diberi nama Yayasan Islam Kelantan (YIK). Lawan web rasmi Yayasan Islam Kelantan, <http://yiknp.mmu.edu.my/>, 10 jun 2003.

menguruskan sebuah pusat pengajian tinggi. Penubuhan Pusat Pengajian Pondok juga, pada masa yang sama dilihat untuk memberi peluang kepada lulusan sekolah agama menyambung pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi, terutamanya lulusan sekolah agama di bawah pentadbiran Yayasan Islam Kelantan.

Untuk merealisasikan penubuhan pusat pengajian tersebut, Yayasan Islam Kelantan telah memilih sebidang tanah seluas 56 ekar, di sebuah kampung yang dikenali dengan Kampung Kandis, Bachok.⁶ Di tapak itulah Pusat Pengajian Pondok didirikan dengan objektif utamanya adalah untuk melahirkan barisan ulama pelapis di negeri Kelantan. Pemilihan Kampung Kandis sebagai tapak pusat pengajian ini adalah amat tepat sekali, kedudukannya yang agak jauh daripada pusat bandar tetapi tidak tersisih daripada arus pembangunan akan memberi peluang kepada pelajar-pelajarnya untuk terus menimba dan menghayati ilmu agama.

Sejarah pembangunan Pusat Pengajian Pondok bermula pada tahun 1982, pada awal tahun tersebut, pihak Yayasan Islam Kelantan telah membangunkan 15 buah pondok kediaman pelajar, pembinaan pondok tersebut telah selesai sepenuhnya pada 18 Mei 1982. Pada masa yang sama, telah diadakan satu majlis perasmian dan perletakan batu asas pembinaan masjid pondok yang diberi nama Masjid Qudus oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Kelantan, Sultan Ismail Yahya Petra. Pembinaan masjid ini telah siap sepenuhnya pada tahun 1984 dan telah digunakan sebagai tempat belajar sementara serta tempat untuk

⁶ Sila lihat Lampiran A.

melaksanakan aktiviti keagamaan. Di samping itu juga, pembinaan dua buah rumah guru di sekitar kawasan pondok telah dimulakan pada tahun 1983.

Kuliah sulung telah bermula pada 11 Februari 1984 bersamaan dengan 9 Jamadil Awal tahun 1404 H, kuliah tersebut telah dipimpin oleh seorang pengetua yang digelar “Syieikh Pondok” dan dibantu oleh dua orang guru, sementara bilangan pelajarnya pula pada ketika itu ialah seramai 38 orang.

Seperti yang dijangkakan, Pusat Pengajian Pondok telah mendapat sambutan yang memberangsangkan dari masyarakat, ekoran daripada sambutan tersebut, sebuah asrama panjang telah dibina pada tahun 1985 untuk menampung 72 orang pelajar. Bilangan pelajar ini telah meningkat dari masa ke semasa, sehingga pada tahun 1986 bilangan pelajarnya telah mencapai angka 104 orang.

Peningkatan bilangan pelajar ini sudah pasti akan memberi kesan kepada pengurusan dan pentadbiran pondok, untuk melicinkan sistem pengurusan dan pentadbiran pondok, pihak Yayasan Islam Kelantan telah membina satu unit bangunan yang mengandungi ruang pejabat, bilik perpustakaan dan bilik mesyuarat, pembinaan tersebut telah dimulakan pada tahun 1987.

Setelah lebih tiga tahun para pelajar sulung Pusat Pengajian Pondok bertungkus-lumus mencari ilmu, telah sampai masanya untuk mereka diuji sejauh mana pencapaian mereka dalam tempoh tersebut. Untuk tujuan tersebut pada tahun 1986, Pusat Pengajian Pondok buat pertama kalinya telah mengadakan

peperiksaan Sijil Tinggi Ugama Pondok (STUP) untuk pelajar-pelajarnya yang sedang menuntut di Tahun Tiga *Thanawi*. Dalam peperiksaan itu, seramai 25 orang pelajar telah mendudukinya, daripada jumlah itu, 8 orang daripada mereka telah berjaya melanjutkan pelajaran masing-masing ke Universiti al-Azhar, Mesir pada tahun 1987.

Peningkatan bilangan pelajarnya terus berlaku dari masa ke semasa, sehingga pada tahun 1988 bilangan pelajarnya telah memecahkan angka 128 pelajar. Pada tahun tersebut juga, seramai lapan orang pelajar Tahun Lima '*Aliah* telah mengambil peperiksaan Sijil Tertinggi Pondok (STTUP) yang julung kali diadakan.

Bermula daripada tahun 1991 hingga ke hari ini, Pusat Pengajian Pondok telah mengalami perubahan yang pesat, di mana beberapa buah asrama baru, kemudahan kantin dan dewan besar telah dibangunkan untuk menampung keperluan jumlah pelajar yang semakin meningkat. Selain dari berperanan sebagai sebuah pusat pengajian tinggi, Pusat Pengajian Pondok juga aktif dalam melaksanakan aktiviti-aktiviti keagamaan untuk masyarakat setempat, selain daripada program kuliah dan syarahan umum yang diadakan. Pusat Pengajian Pondok ini juga bertindak sebagai tuan rumah bagi program keagamaan di peringkat daerah, anaranya Pusat Pengajian Pondok pernah diberi tanggungjawab sebagai tuan rumah Majlis Tilawah Al-Quran peringkat daerah Bachok pada tahun 1986.

Perkembangan dan perubahan yang berlaku ini sedikit sebanyak telah memberi kesan kepada nama pusat pengajian itu sendiri. Pusat Pengajian Pondok yang pada peringkat awalnya dikenali sebagai "Pondok Moden" telah ditukar namanya kepada Pusat Pengajian Pondok pada 4 September 1988. Walau bagaimanapun, kemasyhuran nama "Pondok Moden" telah menenggelamkan nama rasminya. Sehingga hari ini, masyarakat lebih mengenalinya sebagai "Pondok Moden" berbanding nama rasminya.

Kemasyhuran namanya sebagai "Pondok Moden" sudah tentu mempunyai pengertiannya yang tersendiri, dan melambangkan perbezaannya dengan pondok-pondok tradisi lain yang wujud di Kelantan pada waktu itu. Dari segi pentadbiran, Pusat Pengajian Pondok berbeza dengan pondok-pondok tradisional lain di Kelantan, ini kerana ia mempunyai sistem pentadbiran berpusat yang diketuai oleh Yayasan Islam Kelantan dan dibantu oleh tenaga pentadbir pondok yang terdiri daripada guru-guru, kerani dan tukang kebun. Dari sudut pengajian pula. Pusat Pengajian Pondok mempunyai silibus pengajian dan sistem peperiksaan yang tersendiri seperti yang telah ditetapkan oleh Yayasan Islam Kelantan.

Sehingga hari ini, Pusat Pengajian Pondok terus melangkah ke hadapan dengan melakukan perubahan demi perubahan sama ada dari segi pentadbiran ataupun sistem pengajian yang ditawarkan. Perbaikan-perubahan tersebut telah menyaksikan Pusat Pengajian Pondok masih lagi mampu bersaing dengan pusat-pusat pengajian tinggi yang lain. Semasa kajian ini dilakukan, masih terdapat

bangunan baru yang dibina untuk menampung keperluan pelajar yang semakin meningkat.

Walau bagaimanapun, dengan sumber kewangan yang terhad iaitu dengan mengharapkan pembiayaan sepenuhnya daripada Yayasan Islam Kelantan, pembangunan materialnya tidaklah sehebat pusat-pusat pengajian di bawah pembiayaan kerajaan persekutuan sepenuhnya. Jika ditinjau dari bangunan yang sedia ada, Pusat Pengajian Pondok terus beroperasi di atas bangunan pentadbiran dan pondok yang agak usang, semoga suatu hari nanti Pusat Pengajian Pondok akan mengalami perubahan fizikal dengan lebih pesat bagi memberi keselesaan kepada para pelajar dan kakitangannya.

Semoga Pusat Pengajian Pondok terus menjadi penggerak kepada perkembangan keilmuan berdasarkan sistem pengajian pondok yang dibantu dengan sistem pengajian moden, seterusnya mampu melahirkan generasi ulama-ulama pelapis untuk mewarisi kegembilangan cendekiawan Islam khususnya di negeri Kelantan.

3. Objektif Penubuhan Pusat Pengajian Pondok⁷

Pusat Pengajian Pondok ditubuhkan dengan mempunyai beberapa objektif yang ingin dicapai oleh Yayasan Islam Kelantan. Objektif asal penubahannya adalah seperti berikut:

⁷ Risalah Pengenalan Pusat Pengajian Pondok, h. vi.

- 3.1 Melahirkan ulama yang mampu menghayati isi kandungan kitab-kitab lama di peringkat pelbagai ilmu pengetahuan.
- 3.2 Melahirkan tokoh-tokoh mubaligh, pendakwah, imam, qadhi, dan sebagainya.
- 3.4 Melahirkan cendekiawan Islam yang memahami perkembangan ilmu pengetahuan dan masyarakat.
- 3.5 Melahirkan bakal penyambung tugas-tugas ulama yang terdahulu.
- 3.6 Mengelakkan pengajian cara pondok dan membuat penyelarasan dengan pondok-pondok lain di negeri Kelantan serta mengeluarkan sijil ataupun ijazah melalui peperiksaan rasmi.
- 3.7 Mengelola dan mengadakan kursus umum dan vokasional serta pertanian, ternakan dan sebagainya.

4. Struktur Organisasi

Yayasan Islam Kelantan telah lama berkecimpung dalam bidang pendidikan peringkat menengah di negeri Kelantan, sehingga hari ini Yayasan Islam Kelantan telah mentadbir 34 buah sekolah menengah di Kelantan⁸. Berdasarkan kepada pengalaman tersebut, Yayasan Islam Kelantan tidak mempunyai masalah yang besar untuk mewujudkan satu organisasi pentadbiran yang mantap bagi merangka satu sistem pengajian yang mantap dan berkesan di Pusat Pengajian Pondok, dan seterusnya memantau perjalanannya sistem tersebut.

⁸ Laman web Yayasan Islam Kelantan, <http://yiknp.mmu.edu.my/>, tarikh 12 Jun 2003.

Di peringkat pusat, Yayasan Islam Kelantan telah melantik beberapa individu yang berkelayakan dan berautoriti untuk menganggotai Jawatankuasa Pusat, Pusat Pengajian Pondok. Jawatankuasa tersebut telah dipengerusikan oleh Sohibu Samahah Dato' Mufti negeri Kelantan, Ketua Hakim Syar'ie sebagai Timbalan Pengerusi, Pengarah Yayasan Islam Kelantan sebagai Setiausaha, dan dibantu oleh tokoh-tokoh akademik yang lain. Senarai penuh Ahli Jawatankuasa Pusat, Pusat Pengajian Pondok adalah seperti berikut:⁹

Pengurusi :

Sohibu Samahah Dato' Hj. Hasbullah b. Mat Hasan.

(Mufti Negeri Kelantan)

Timbalan Pengurusi :

Yang Berhormat Dato' Hj. Daud b. Muhamad

(Ketua Hakim Syarie Negeri Kelantan)

Setiausaha:

Yang Amat Berusaha Tuan Hj. Abdul Aziz b. Yusuf

(Pengarah Yayasan Islam Kelantan)

Ahli Jawatankuasa:

i. Yang Berhormat Tuan Hj. Hassan B. Mahmud

(Ahli Dewan Undangan Negeri Kawasan Tawang)

ii. Yang Berhormat Tuan Hj. Ismail b. Nuh

⁹ Laporan Kemajuan Pusat Pengajian Pondok, dari 6 Oktober 2002 hingga 4 Mei 2003.

- (Ahli Dewan Undangan Negeri Kawasan Pasir Mas)
- ii. Yang Berbahagia Tuan Hj. Atiqullah b. Hj. Yaacob
(Pondok Pasir Tumbuh)
 - iv. Yang Berbahagia Tuan Hj. Hussin b. Ibrahim
(Pondok Lubuk Tapah, Pasir Mas)
 - v. Yang Berusaha Ketua Jajahan Bachok.

Turut serta dalam mesyuarat Jawatankuasa Pusat, Pusat Pengajian Pondok, ialah :

- a. Yang Berusaha Ustaz Mohd Daud bin Omar
(Hal Ehwal Murid, Yayasan Islam Kelantan)
- b. Yang Berusaha Ustaz Hj. Wazir b. Hj. Che Awang
(Syeikh Pondok)
- c. Yang Berusaha Cikgu Zaid b. Muhamad
(Pendaftar Pondok)

Sementara pentadbiran di peringkat Pusat Pengajian Pondok diketuai Ustaz Hj. Wazir bin Che Awang selaku Syeikh Pondok, Cikgu Zaid bin Muhamad sebagai Pendaftar, Cikgu Sukiman bin Yasin sebagai Bendahari, dibantu oleh beberapa orang tenaga pengajar lain yang dilantik untuk memegang jawatan tertentu bagi melicinkan pentadbiran Pusat Pengajian Pondok. Ini bermakna, kesemua tenaga pentadbir adalah terdiri daripada tenaga pengajar pusat pengajian pondok.

Di samping tenaga pengajar, Pusat Pengajian Pondok juga mempunyai beberapa kakitangan sokongan lain yang terdiri daripada pembantu tadbir, pembantu am rendah, tukang kebun dan sebagainya, mereka juga memberikan sumbangan yang besar ke arah melicinkan pentadbiran dan pengurusan Pusat Pengajian Pondok.

5. Sistem Pengajian¹⁰

Sebagaimana dijelaskan sebelum ini, Pusat Pengajian Pondok mempunyai sistem Pengajian yang berbeza dengan sistem pengajian yang di amalkan di pondok-pondok tradisional atau sekolah-sekolah agama di negeri Kelantan. Ini kerana, sistem yang diamalkan di Pusat Pengajian Pondok adalah berorientasikan sistem pengajian pondok tradisional dan diserapkan unsur-unsur sistem pengajian moden bagi membantu tahap keberkesanan dalam pembelajaran.

Pada peringkat awal penubuhan Pusat Pengajian Pondok, pengajian di pusat pengajian tersebut telah dibahagikan kepada tiga tahap pengajian, tahap pertama bermula dari Tahun Satu hingga Tahun Tiga, tahap kedua bermula dari Tahun Empat hingga Tahun Lima, sementara tahap ketiga bermula dari Tahun Enam hingga Tahun Tujuh. Mengikut sistem ini, setiap pelajar akan menghadapi tiga peperiksaan besar sepanjang berada di Pusat Pengajian Tersebut. Peperiksaan pertama akan diadakan di akhir pengajian Tahun Tiga, pelajar-pelajar yang lulus peperiksaan tersebut akan dianugerahkan dengan Sijil Tinggi Ugama Pondok (STUP). Peperiksaan kedua pula akan diadakan pada penghujung pengajian

¹⁰ Risalah Pengenalan Pusat Pengajian Pondok, h. 8.

Tahun Lima, pelajar yang lulus peperiksaan tersebut akan dianugerahkan dengan Sijil Tertinggi Pondok (STTUP). Manakala peperiksaan peringkat ketiga pula akan diadakan pada penghujung pengajian Tahun Tujuh, pelajar yang lulus peperiksaan tersebut akan dianugerahkan Sijil Tamat Pengajian Tahun Tujuh.

Walau bagaimanapun, sistem pengajian ini telah diubah pada tahun 1988, perubahan ini telah menyaksikan pengajian Kuliah Tujuh telah dimansuhkan. Ekoran perubahan tersebut, tahun pengajian di Pusat Pengajian Pondok telah dipendekkan daripada tujuh tahun ke enam tahun, perubahan tersebut juga telah menyaksikan sistem pengajian di Pusat Pengajian Pondok telah dibahagikan kepada dua tahap pengajian sahaja berbanding tiga tahap pengajian sebelumnya. Tahap pertama dikenali dengan nama Peringkat *Thanawi* dan tahap kedua dikenali dengan nama Peringkat *'Aliah*, yang mana setiap pelajar akan melalui tiga tahun pengajian di kedua-dua peringkat pengajian tersebut. Seiring dengan perubahan tersebut juga, sijil yang dianugerahkan kepada pelajar Pusat Pengajian Pondok juga turut berubah. Sebelum ini Sijil Tertinggi Pondok (STTUP) dianugerahkan kepada pelajar yang telah menamatkan pengajian di Kuliah Enam, perubahan ini telah menyaksikan sijil tersebut telah dimansuhkan dan digantikan dengan Diploma *Dirāsat Islāmiyyah* yang dianugerahkan kepada pelajar-pelajar yang lulus pengajian Tahun Enam peringkat *'Aliah*.

Diploma *Dirāsat Islāmiyyah* mula dianugerahkan kepada pelajar-pelajar Pusat Pengajian Pondok pada akhir tahun 1996, pada tahun tersebut seramai 10 orang pelajar telah menduduki peperiksaan yang diadakan pada penghujung

pengajian Tahun Enam Peringkat 'Aliah, daripada sepuluh orang pelajar yang menduduki peperiksaan tersebut sembilan daripadanya telah lulus manakala seorang pelajar telah gagal. Pelajar-pelajar yang lulus peperiksaan tersebut telah dianugerahkan Diploma *Dirāsat Islāmiyyah* yang diiktiraf setaraf dengan sijil diploma yang dikeluarkan oleh institusi pengajian yang lain.¹¹.

Pada peringkat awal penubuhannya, satu-satunya bahagian yang diwujudkan ialah bahagian *Dirāsat Islāmiyyah*, yang dikenali dengan nama *Qisim Dirāsat Islāmiyyah*. Ini bermakna, dengan sistem pengajian yang ada, setiap pelajar akan mempelajari keseluruhan bidang ilmu pengajian Islam, ini termasuklah Al-Quran, Tafsir, Hadith, Fekah, Tauhid, Nahu, Saraf dan Tasawwuf. Sistem tersebut telah diterima pakai dalam tempoh masa yang agak lama. sehingga pada tahun 2001, Pusat Pengajian Pondok telah memperkenalkan dua bahagian pengajian yang baru, iaitu *Qisim Syarīah Islāmiyyah* dan *Qisim Usūluddin*. Mengikut sistem pengajian yang diamalkan hari ini, Pusat Pengajian Pondok beroperasi melalui tiga bahagian yang utama, iaitu:

- i. *Qisim Dirāsat Islāmiyyah* (Bahagian Pengajian Islam)
- ii. *Qisim Syarīah Islāmiyyah* (Bahagian Pengajian Syariah) -
- iii. *Qisim Usūluddin* (Bahagian Pengajian Usuluddin)

Dengan penambahan dua bahagian yang baru ini, ia itu telah memberi peluang kepada para pelajarnya untuk memilih mana-mana bahagian yang sesuai dengan minat dan cita-cita seorang pelajar. Dengan penubuhan dua bahagian

¹¹Pengiktirafan tersebut hanya diberikan oleh beberapa agensi kerajaan negeri Kelantan sahaja,

yang baru ini juga, pelajar-pelajar tidak lagi mempelajari keseluruhan bidang pengajian Islam sebagaimana sebelumnya. Melalui sistem yang diperkenalkan ini, pelajar-pelajar akan mengambil mata pelajaran yang telah ditetapkan mengikut bahagian-bahagian pengajian yang tertentu sahaja.¹²

Perubahan sistem pengajian ini juga dilihat sebagai satu usaha untuk memberi peluang kepada pelajar-pelajar lepasan Pusat Pengajian Pondok melanjutkan pelajaran dalam bidang pengajian Syariah dan Usuluddin di peringkat yang lebih tinggi, terutamanya di Universiti al-Azhar. Jika sebelum ini pelajar-pelajar lepasan Pusat Pengajian Pondok hanya berpeluang untuk melanjutkan pelajaran dalam bidang Pengajian Islam dan Bahasa Arab di al-Azhar. Penubuhan dua bahagian yang baru ini merupakan langkah permulaan untuk mendapat pengiktirafan daripada Universiti Al-Azhar bagi melayakkan pelajar lulusan Pusat Pengajian Pondok melanjutkan pelajaran dalam bidang pengajian syariah dan usuluddin di universiti tersebut¹³.

Manakala dari segi kurikulum pengajian, Pusat Pengajian Pondok telah memperkenalkan satu kurikulum pengajian yang berteraskan kitab-kitab *fiqh* klasik, kitab-kitab *turath* dijadikan teks rujukan utama dalam kebanyakan mata pelajaran, walau bagaimanapun kurikulum tersebut telah mendapat pengiktirafan daripada Universiti Al-Azhar.¹⁴ Penggunaan kitab-kitab *fiqh* klasik sebagai teks

Temubual dengan Cikgu Zaid bin Muhamad, Pendaftar Pusat Pengajian Pondok pada 8 Jun 2003.

¹² Lihat buku panduan (*muqarrar*) yang disediakan oleh Pusat Pengajian Pondok.

¹³ Lihat kertas kerja bertajuk "Kewajaran Memohon Pengiktirafan Baru Di Kuliah Syariah, Usuluddin, dan Bahasa Arab lulusan 'Aliah Pusat Pengajian Pondok di Universiti al-Azhar"

¹⁴ Risalah Pengenalan Pusat Pengajian Pondok, h. 12. lihat juga lampiran surat kelulusan daripada Universiti Al-Azhar.

rujukan utama dilihat bersesuaian dengan objektif utama penubuhan Pusat Pengajian Pondok, iaitu untuk melahirkan pelajar-pelajar yang berkemampuan dan mempunyai kemahiran dalam memahami kandungan kitab-kitab lama dalam pelbagai bidang.

Sebagaimana di pondok-pondok tradisi lain, corak pengajian yang diperkenalkan adalah mengikut sistem *talaqqi*, sistem tersebut telah diamalkan dengan jayanya sejak beratus-ratus tahun dahulu di institusi pengajian Islam, sama ada di institusi pondok tradisional tempatan atau tempat-tempat pengajian lain terutamanya di Masjid Al-Haram, Mekah.

Selain dari itu, sistem pengajian yang diamalkan di Pusat Pengajian Pondok mempunyai beberapa perbezaan dengan sistem pengajian yang diamalkan di institusi pengajian tinggi lain, antara perbezaan yang ketara ialah Pusat Pengajian Pondok masih lagi mengamalkan sistem penggal, manakala institusi pengajian tinggi lain secara keseluruhannya telah mengamalkan sistem semester. Mengikut sistem pengajian yang ada, Pusat Pengajian Pondok akan memulakan sesi pengajian pada awal tahun, permulaan sesi pengajian bagi tahun 2003 ialah pada 5 Januari 2003.¹⁵ Pengajian penggal pertama bagi tahun tersebut bermula dari 5 Januari 2003 hingga 28 Mei 2003. Manakala pengajian penggal kedua bermula dari 8 Jun 2003 hingga 24 Oktober 2003, peperiksaan akan diadakan pada setiap akhir penggal pengajian. Manakala cuti pula telah ditetapkan di setiap akhir penggal pengajian, cuti penggal pertama bermula dari 28 Mei hingga 7 Jun 2003,

¹⁵Laporan Kemajuan Pusat Pengajian Pondok, dari 06 Oktober 2002 hingga 04 Mei 2003.

manakala cuti penggal kedua bermula pada 24 Oktober 2003 hingga 03 Januari 2004.¹⁶

Pusat Pengajian Pondok telah menetapkan hari belajarnya sebanyak lima hari seminggu, iaitu bermula pada hari Ahad hingga hari Khamis, sementara waktu belajarnya pula telah ditetapkan sebanyak sembilan jam setiap hari, dengan kiraan satu jam bagi setiap *hissah* (mata pelajaran). Waktu pengajian bermula selepas solat subuh sehingga waktu sembahyang asar dan disambung semula satu *hissah* (mata pelajaran) selepas solat Maghrib. Di samping itu, pihak pengurusan Pusat Pengajian Pondok telah menyediakan jadual khusus beberapa kegiatan lain seperti kegiatan Jasmani, Aqliah dan Rohani. Ini bermakna setiap aktiviti harian yang dilakukan oleh para pelajarnya mengikut jadual yang telah ditetapkan.

Secara keseluruhannya Pusat Pengajian Pondok telah mempunyai satu sistem pengajian yang tersusun. Walau bagaimanapun, kajian perlu dilakukan dari masa ke semasa untuk melihat sejauh mana keberkesanan sistem pengajian yang diperaktikkan, terutamanya untuk melihat persamaan dan perbezaan dengan sistem pengajian yang diamalkan di pusat-pusat pengajian tinggi yang lain. Pada pandangan penulis, Pusat Pengajian Pondok seharusnya mempunyai identiti sebagai sebuah pusat pengajian tinggi dan bukan sebagai sebuah sekolah menengah. Dari pemerhatian yang dilakukan, penulis mendapati Pusat Pengajian

¹⁶ Lihat lampiran B.

Pondok masih lagi tidak mampu untuk keluar sepenuhnya daripada kepompong sekolah menengah, oleh yang demikian, satu usaha perlu dilakukan untuk membina identiti sebagai sebuah pusat pengajian tinggi seiring dengan pusat pengajian tinggi lain di tanah air.

6. Tenaga Pengajar¹⁷

Pada peringkat awal penubuhannya, Pusat Pengajian Pondok hanya mempunyai tiga orang tenaga pengajar, salah seorang daripadanya bertindak sebagai “syeikh pondok”. Namun demikian bilangan itu semakin bertambah dari masa ke semasa selari dengan perkembangan dan pertambahan jumlah pelajar. Sehingga hari ini jumlah tenaga pengajar adalah seramai 23 orang. Ini termasuk dua orang guru jemputan dari Kolej Sultan Ismail Putra, Nilam Puri.

Jadual di bawah menunjukkan senarai nama tenaga pengajar, kelulusan tertinggi serta jawatan yang dipegang di Pusat Pengajian Pondok.

Jadual 3.1: Senarai Nama Tenaga Pengajar, Kelulusan Tertinggi Serta Jawatan Yang Disandang.

Bil.	Nama	Kelulusan Tertinggi	Jawatan
1.	Ustaz Hj. Wazir b. Che Awang	M.A U. Karachi, Pakistan Madrasah Solatiah, Mekah (1974)	Syeikh Pondok
2.	Cikgu Zaid b. Muhamad	Dip. Perguruan Kuantan	Pendaftar
3.	Ustaz Mazlan b. Adam	STTUP (1990)	G. Asrama

¹⁷ Risalah Pengenalan Pusat Pengajian Pondok , hlm 22-26. Lihat lampiaran F


4.	Ustaz Wan Ahmad b. Wan Yusuf	Mekah (1989) STTUP	G. kokurikulum
5.	Ustaz Haron b. Awang	STU YIK (80) Pondok Hj. Nor Bot, Ketereh.	
6.	Ustaz Hj. Mohd Zain b. A. Majid	Darjah 9 M. Muhammadi	
7.	Ustaz Hj. Arifin b. Awang	M.A. Al-Azhar (1975)	G. kokurikulum
8.	Ustaz Hj. Zakaria b. Latif	Darjah 9 M. Muhammadi	
9.	Ustaz Hj. Nik Razi b. Nik Mat	B.A Al-Azhar (1975) Diploma Pendidikan, Universiti Ain Syam.	
10.	Ustaz Qamarullaili b. Mohamed	STTUP (1989) KDC	G. Asrama
11.	Ustaz Hj. Mat Deris b. Mat Noor	U. Madinah (1953)	S/U Peperiksaan
12.	Ustaz Hj. Abd. Rahman b. Yusuf	U. Madinah (1953)	G. Disiplin
13.	Ustaz Hj. Ismail b. Abdullah	Darjah 9 M. Muhammadi	G.Kokurikulum
14.	Cikgu Sukiman b. Yassin	B.A (Hons) UIA (1985)	Bendahari
15.	Ustaz Abdul Halim b. Hamzah	B.A Al-Azhar	G.Asrama
16.	Ustaz Abdul Rahman b. Ya'cob	B.A U. Karachi, Pakistan.	G. Asrama
17.	Ustaz Hj. Mohd Asri b. Ibrahim	B.A Al-Azhar (1987)	G. Asrama
18.	Ustaz Mohd Amin b. Hamzah	B.A Al-Azhar (1988)	G. Asrama
19.	Ustaz Ismail b. Salleh	B.A Al-Azhar, Mesir. Universiti Al-Qaraniyyah, Maghribi	G. Kitab Jawi
20.	Ustaz Ramli b. Hussin	STTUP	G. Asrama
21.	Ustaz Abdullah b. Abu Bakar	U. Malaya. Pondok Pasir Tumbuh.	
22.	Dr. Djamaluddin b. Abdul Azizi	Ph.D Universiti Kaherah, Mesir.	G, Jemputan
23.	Dr. Ahmad Najib b. Abdullah	Ph.D Universiti Islamiyah Al-'Alamiyyah, Madinah.	G.Jemputan

Sumber: Risalah Pengenalan Pusat Pengajian Pondok, hlm 22-26.

Jika ditinjau dari latar belakang sijil akademik yang dimiliki oleh tenaga pengajar Pusat Pengajian Pondok, mengikut penilaian hari ini, sebahagian daripada mereka tidaklah begitu cemerlang dari segi sijil akademik yang dimiliki, ini terbukti apabila 39.13 peratus daripada keseluruhan tenaga pengajar tidak memiliki Ijazah Sarjana Muda, 43.47 peratus dari keseluruhan tenaga pengajar

memiliki Ijazah Sarjana Muda, sementara masing-masing 8.69 peratus dari keseluruhan tenaga pengajar memiliki sarjana atau Ph.D. Rajah di bawah menunjukkan peratusan kelulusan tertinggi yang dimiliki oleh tenaga pengajar.

Rajah 3.1: Peratusan Kelulusan Tertinggi Tenaga Pengajar



Sumber: Risalah Pengenalan Pusat Pengajian Pondok

Walau bagaimanapun, pada pandangan penulis, sijil yang dimiliki oleh tenaga pengajar Pusat Pengajian Pondok bukanlah perkiraan sebenar untuk menilai kewibawaan ilmu yang dimiliki oleh mereka. Ini terbukti apabila seorang guru yang hanya memiliki Sijil Tinggi Ugama (STU) tetapi mampu mengajar kitab *Qalyubi Wa Umairah* karangan Shihab al-din Ahmad Ibn Ahmad, melalui penilaian yang dilakukan oleh penulis, kitab tersebut merupakan kitab yang berotoriti dalam Mazhab Syafie, di samping itu juga, kitab tersebut dianggap antara kitab *fiqh* yang disusun dengan menggunakan gaya bahasa yang tinggi sehingga ia agak sukar untuk difahami.¹⁸

¹⁸ Maklumat ini diperolehi melalui temubual dengan Ustaz Hj. Wazir Che Awang, Syeikh Pondok, pada 8 Jun 20033.

Di samping itu juga, kegigihan tenaga pengajar Pusat Pengajian Pondok untuk belajar dalam tempoh yang lama di sebuah institusi pendidikan yang tidak mengeluarkan sebarang sijil akademik juga perlu diambil kira untuk menilai kecemerlangan ilmu yang dimiliki oleh mereka, ini terbukti apabila sebahagian besar dari tenaga pengajar Pusat Pengajian Pondok pernah belajar dalam tempoh masa yang lama di sebuah institusi pendidikan sama ada di pondok-pondok pengajian tradisional tempatan atau luar negara seperti di Mekah atau Pakistan.

7. Pelajar¹⁹

Pada dasarnya Pusat Pengajian Pondok membuka peluang kepada semua calon yang berminat dan berkelayakan, sama ada dari dalam atau luar negara untuk melanjutkan pelajaran di pusat pengajian tersebut. Walau bagaimanapun keutamaan masih lagi diberikan kepada pemohon-pemohon daripada negeri Kelantan.

Pusat Pengajian Pondok telah menetapkan syarat-syarat kelayakan tertentu kepada pemohon yang berminat untuk melanjutkan pengajian di pusat pengajian tersebut, sama ada di Peringkat *Thanawi* atau *'Aliah*. Antara syarat kelayakan yang ditetapkan untuk permohonan bagi Peringkat *Thanawi* ialah:

- i. Memiliki Sijil Menengah Agama (SMU) atau setaraf dengannya atau
- ii. Memiliki Sijil Empat *Thanawi* atau

¹⁹ Risalah Pengenalan Pusat Pengajian Pondok, h. 17.

- iii. Pernah belajar selama empat tahun di mana-mana pondok tradisional dengan syarat mendapat pengakuan daripada Guru Besar pondok berkenaan.
- iv. Hendaklah berumur tidak melebihi dari 20 tahun
- v. Lelaki sahaja

Manakala di peringkat 'Aliah, pemohon hendaklah mempunyai syarat-syarat kelayakan seperti berikut:

- i. Memiliki Sijil Tinggi Agama atau setaraf dengannya
- ii. Berumur tidak melebihi 24 tahun
- iii. Lelaki sahaja

Semasa kajian ini dibuat seramai 277 pelajar sedang menuntut di Pusat Pengajian Pondok. Daripada jumlah tersebut seramai 221 orang pelajar, iaitu bersamaan 79.78 peratus daripada keseluruhan pelajar adalah terdiri daripada mereka yang dilahirkan di negeri Kelantan, manakala selebihnya, iaitu 56 orang pelajar bersamaan 20.20 peratus adalah pelajar-pelajar luar negeri Kelantan. Jadual di bawah menunjukkan latar belakang negeri kelahiran pelajar Pusat Pengajian Pondok.

Jadual 3.2: Latar Belakang Negeri Kelahiran Pelajar

Bil.	Negeri Kelahiran	Bilangan Pelajar	Peratus
1.	Kelantan	221	79.78
2.	Pahang	9	3.24
3.	Johor	4	1.44
4.	Kedah	2	0.72
5.	Perak	7	2.52
6.	Kuala Lumpur	1	0.36

7.	Terengganu	6	2.16
8.	Selangor	5	1.80
9.	Thailand	22	7.94

Sumber: Laporan Kemajuan Pusat Pengajian Pondok dari 06 Oktober 2002 hingga 04 Mei 2003.

Daripada jadual 3.2 di atas, seramai 221 orang pelajar bersamaan 79.78 peratus adalah terdiri daripada mereka yang lahir di negeri Kelantan, diikuti oleh pelajar yang berasal dari negara Thailand iaitu seramai 22 orang mewakili 7.94 peratus dari keseluruhan pelajar, dari negeri Pahang seramai 9 orang pelajar bersamaan 3.23 peratus, 7 orang daripada negeri Perak bersamaan 2.52 peratus. 6 orang daripada negeri Terengganu bersamaan 2.16 peratus, diikuti oleh pelajar negeri Selangor seramai 5 orang iaitu 1.80 peratus, 4 orang pelajar dari negeri Johor yang mewakili 1.44 peratus, 2 orang daripada negeri Kedah mewakili 0.72 peratus, sementara dari Kuala Lumpur seramai 1 orang iaitu mewakili 0.36 peratus dari jumlah keseluruhan pelajar.

Sehingga tahun 2003 seramai 826 pelajar telah berdaftar untuk melanjutkan pelajaran di Pusat Pengajian Pondok. Walau bagaimanapun tidak semua pelajar yang berdaftar telah menamatkan pengajian mereka, terdapat sebahagian daripada mereka telah menamatkan pengajian di pertengahan jalan setelah mendapat tawaran daripada mana-mana institusi pengajian yang lain. Secara umumnya, majoriti pelajar-pelajar yang berdaftar telah berjaya menamatkan pengajian mereka sama ada di Peringkat *Thanawi* atau *'Aliah*.

Setelah hampir 21 tahun berdiri teguh sebagai sebuah pusat pengajian tinggi, Pusat Pengajian Pondok telah berjaya melahirkan tokoh-tokoh agama yang boleh diketengahkan dalam masyarakat, sebahagian daripada mereka terus menyambung pengajian di peringkat yang lebih tinggi sebelum mencebur ke bidang pekerjaan, manakala sebahagian yang lain terus menceburkan diri dalam bidang pekerjaan sama ada di negeri Kelantan atau di negeri-negeri lain. Hari ini, lulusan Pusat Pengajian Pondok telah mencebur berbagai bidang pekerjaan dan bergerak cergas sebagai tokoh-tokoh agama yang disegani dalam masyarakat. Walau apapun Pusat Pengajian Pondok telah berjaya meletakkan asas yang cukup kuat untuk melahirkan generasi ulama pelapis khususnya di negeri Kelantan.

8. Yuran Pengajian²⁰

Pusat Pengajian Pondok merupakan antara pusat pengajian tinggi yang tidak mengenakan yuran pengajian dan yuran asrama kepada pelajar-pelajarnya. Walau bagaimanapun yuran tahunan yang minimum akan dikenakan ke atas setiap pelajarnya. Jumlah yuran tahunan yang dikenakan adalah seperti berikut:

Jadual 3.3: Kadar Yuran Tahunan Pusat Pengajian Pondok

Marhalah Thanawiah			
Tahun	Yuran	Takaful	Jumlah
TAHUN 1	RM 155.00	RM 10.50	RM 165.50
TAHUN 2	RM 50.00	RM 10.50	RM 60.50
TAHUN 3	RM 50.00	RM 10.50	RM 60.50
Marhalah 'Aliyah			
TAHUN 4	RM 200.00	RM 10.50	RM 210.50
TAHUN 5	RM 200.00	RM 10.50	RM 210.50
TAHUN 6	RM 200.00	RM 10.50	RM 210.50

Sumber: Risalah Pengenalan Pusat Pengajian Pondok.

Selain daripada yuran tahunan, Pusat Pengajian Pondok tidak mengenakan sebarang bayaran bagi setiap kemudahan yang disediakan. Selain daripada kemudahan yang disediakan secara percuma, Pusat Pengajian Pondok juga turut menawarkan beraswa kepada pelajar-pelajarnya yang berkelayakan, beraswa tersebut ditawarkan oleh kerajaan negeri Kelantan melalui Yayasan Islam Kelantan. Kadar beraswa yang ditawarkan adalah seperti berikut :

- i. Peringkat *Thanawiyah* : RM 80.00 sebulan
- ii. Peringkat *'Aliah* : RM 100.00 sebulan

Daripada jumlah tersebut, sebanyak RM 70.00 akan dipotong terus untuk dibayar kepada pihak yang menyediakan jamuan makan setiap hari. Setiap pelajar akan disediakan perkhidmatan makan sebanyak tiga kali sehari, iaitu pada waktu pagi, tengahari dan malam. Manakala baki daripada beraswa tersebut akan disalurkan ke dalam akaun MAYBANK pelajar masing-masing.

Walau bagaimana pun, kemudahan beraswa ini hanya diberikan kepada pelajar-pelajar kelahiran negeri Kelantan sahaja, manakala pelajar-pelajar dari luar, pada kebiasaan mereka akan mendapat pinjaman atau beraswa daripada Majlis Agama Islam negeri masing-masing. Di samping itu, ada juga pelajar-pelajar yang memilih untuk membiayai sendiri pengajian mereka.

Dengan jumlah yuran tahunan yang minimun di samping kemudahan-kemudahan lain yang disediakan secara percuma, dari segi kewangan, Pusat

²⁰ Ibid.

Pengajian Pondok merupakan pusat pengajian yang sesuai untuk mereka yang mempunyai latar belakang keluarga yang miskin atau sederhana.

9. Sistem Peperiksaan²¹

Pusat Pengajian Pondok merupakan sebuah institusi pondok yang mempunyai satu sistem peperiksaan yang teratur, sistematik dan mempunyai satu Badan Lembaga Peperiksaan yang tersendir. Peranan utama badan tersebut adalah untuk menjaga dan menyelia sebarang hal yang berkaitan dengan peperiksaan. Sistem peperiksaan ini dirangka khusus untuk menguji sejauh mana tahap pemahaman dan kemahiran yang dimiliki oleh setiap pelajar. Perkara ini amat penting untuk menjaga kualiti setiap lulusan pelajar yang dihasilkan.

Sitem peperiksaan yang dilaksanakan adalah tertakluk kepada peraturan yang telah ditetapkan oleh Yayasan Islam Kelantan. Yang mana pihak Yayasan Islam Kelantan telah menetapkan tiga bentuk peperiksaan yang perlu dilalui oleh setiap pelajar sepanjang berada di Pusat Pengajian Pondok, bentuk peperiksaan yang dimaksudkan ialah *imtihān qabūl*, peperiksaan am dan peperiksaan khas. Setiap peperiksaan yang dijalankan itu terbahagi kepada dua kaedah utama iaitu peperiksaan *syafawī* dan *tahrīrī*.

Imtihān qabūl merupakan peperiksaan yang dijalankan oleh Pusat Pengajian Pondok bagi memastikan pelajar yang memohon untuk memasuki Pusat Pengajian Pondok layak atau sebaliknya. Melalui peperiksaan ini para

²¹ Ibid. h. 18.

pemohon akan dinilai dari sudut kemampuan dalam membaca al-Quran, penguasaan Bahasa Arab dan kemahiran dalam membaca kitab-kitab Arab serta mempunyai sedikit kemahiran asas dalam bab-bab yang berkaitan dengan hukum-hukum fekah, kriteria-kriteria di atas di ambil kira untuk menerima atau menolak permohonan bagi melanjutkan pelajaran di Pusat Pengajian Pondok.

Manakala peperiksaan am pula ialah peperiksaan yang dijalankan apabila tamatnya setiap penggal pengajian, peperiksaan ini meliputi peringkat *Thanawi* dan *'Aliah*. Bagi peperiksaan am, tenaga pengajar bertindak sebagai penilai utama bagi mata pelajaran yang diajarnya. Peperiksaan tersebut dijalankan sama ada dalam bentuk *syafawī* atau *tahrīrī*.

Sementara peperiksaan khusus pula ialah peperiksaan yang dijalankan bagi pelajar-pelajar Tahun Tiga *Thanawi* dan Tahun Enam *'Aliah* sahaja. Peperiksaan untuk tahun Tiga *Thanawi* dikenali dengan Sijil Tinggi Ugama Pondok (STUP). Semua soalan bagi peperiksaan tersebut akan digubal dan dibentuk oleh panel yang telah ditetapkan oleh Yayasan Islam Kelantan.

Peperiksaan bagi Tahun Tiga *'Aliah* pula dikenali sebagai Diploma *Dirasat Islamiah*. Soalan-soalan bagi peperiksaan tersebut disediakan oleh pihak Pusat Pengajian Pondok cuma perlu disemak dan disahkan oleh Yayasan Islam Kelantan. Para pelajar yang lulus peperiksaan ini berpeluang untuk melanjutkan pelajaran mereka ke Universiti al-Azhar, dengan memasuki kuliah Tahun Tiga di universiti tersebut. Sijil ini telah mendapat pengiktirafan daripada Universiti al-

Azhar bermula pada tahun 1995. Namun begitu, terdapat juga pelajar-pelajar lepasan sijil ini melanjutkan pelajaran ke universiti-universiti Islam luar negara lain seperti Sudan, Pakistan, Iraq dan sebagainya.²²

Selain daripada melanjutkan pelajaran ke luar negara, terdapat juga pelajar-pelajar lepasan pondok yang terus menceburi bidang pekerjaan sama ada sebagai tenaga pengajar, imam atau pendakwah bebas khususnya di negeri Kelantan.²³ Ini kerana, sijil yang dikeluarkan oleh Pusat Pengajian Pondok ini diiktiraf setaraf dengan diploma lain oleh Yayasan Islam Kelantan dan Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Islam Kelantan.

Melalui kajian ini, penulis mendapati Pusat Pengajian Pondok telah mempunyai sistem peperiksaan yang sistematik dan berkesan, oleh yang demikian pada pandangan penulis, sistem tersebut perlu dipraktikkan sepenuhnya. Walau bagaimanapun penilaian perlu dibuat dari masa ke semasa untuk menilai keberkesanan sistem peperiksaan yang telah dipraktikkan.

10. Penutup

Jika ditinjau dari sejarah penubuhan, Pusat Pengajian Pondok bolehlah dianggap sebagai satu “suntikan tenaga” untuk mengubati kelesuan yang menimpa institusi pengajian pondok pada waktu itu. Hari ini, setelah hampir 21 tahun Pusat Pengajian Pondok ini berdiri teguh sebagai sebuah institusi pendidikan yang

²² Senarai nama lulusan Pusat Pengajian Pondok yang dikeluarkan oleh pihak pentadbiran Pusat Pengajian Pondok, dalam Laporan Kemajuan Pusat Pengajian Pondok dari 30 April 2000 – 27 Ogos 2000.

unggul di Kelantan. Pusat Pengajian Pondok telah memberikan sumbangannya yang besar ke arah melahirkan genenasi ulama pelapis khususnya di negeri Kelantan.

Antara perubahan besar yang terdapat di Pusat Pengajian Pondok berbanding pondok-pondok lain pada waktu itu ialah sistem pengajiannya yang telah menggabungkan sistem pengajian pondok tradisional dan ilmu pengajian moden. Gabungan dua aliran pendidikan ini telah melahirkan bukan sahaja sistem pengajian yang mantap tetapi juga melahirkan satu sistem pentadbiran yang teratur, dan satu sistem peperiksaan yang sistematik, di samping mempunyai sistem kegiatan ko kurikulum yang terancang berbeza dengan pondok-pondok tradisional yang lain di negeri Kelantan.

Kewujudan sistem peperiksaan yang sistematik, membolehkan sijil yang dikeluarkan oleh Pusat Pengajian Pondok mendapat pengiktirafan daripada Universiti-universiti luar negara, di samping itu, sijil-sijil yang dikeluarkan juga telah mendapat pengiktirafan daripada agensi-agensi kerajaan setempat.

Dengan yuran tahunan yang minimum, di samping kemudahan-kemudahan lain yang disediakan secara percuma, Pusat Pengajian Pondok merupakan pilihan terbaik bagi mereka yang berpendapatan rendah dan sederhana.

²³ Ibid.

Akhir sekali, Pusat Pengajian Pondok bukan sahaja perlu dikekalkan bahkan perlu dibangunkan materialnya agar ianya terus berkembang seiring dengan kemajuan negara, seterusnya mampu melahirkan cendekiawan Islam yang benar-benar mampu untuk menghayati ajaran Islam dan memberi sumbangan yang besar dalam memartabatkan Islam sebagai *addin* kepada masyarakat seluruhnya.